

05 JUN 1999

Mahathir-Pengorbanan

K'JAAN DAPAT ATASI MASALAH EKONOMI BERKAT SOKONGAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kejayaan negara menangani masalah ekonomi adalah kerana berkat kesabaran, pengorbanan, sokongan dan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

Beliau berkata walaupun negara sedang menghadapi masalah ekonomi, rakyat pada umumnya memilih untuk terus mengekalkan perpaduan dan keharmonian kaum.

"Ini membolehkan kerajaan memberi tumpuan sepenuhnya kepada usaha-usaha memulihkan ekonomi," katanya dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia di majlis menghadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena ulangtahun Hari Keputeraan rasmi Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara.

Dr Mahathir berkata, kerajaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakyat di atas sokongan dan keyakinan mereka itu.

Beliau berkata satu pengajaran yang boleh diambil daripada krisis ekonomi yang melanda negara ialah perlunya negara berpendirian tegas dan yakin kepada kemampuan dan keupayaan sendiri.

Katanya, atas pendirian dan keyakinan itulah negara dapat mengelak daripada meminta bantuan badan-badan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk menangani masalah ekonomi negara.

"Kita juga sedar bahawa untuk berjaya kita mesti berani mencuba sesuatu yang kita fikir boleh memberi manfaat kepada rakyat dan negara walaupun cara ini belum pernah digunakan mana-mana pihak," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata untuk mencapai pemulihan ekonomi sepenuhnya, semua pihak khususnya sektor swasta perlu memainkan peranan lebih berkesan, terutama dalam terus menggerakkan sektor-sektor ekonomi yang produktif seperti pembinaan, perkilangan dan infrastruktur.

Katanya, kerjasama di antara sektor swasta, awam dan pekerja serta kesatuan mereka penting kerana tanpa perkongsian bestari itu, negara tidak akan berjaya menjana pertumbuhan ekonomi yang tinggi seperti dahulu.

"Kerajaan pula akan menentukan semua peruntukan bagi projek pembangunan dibelanjakan mengikut jadual untuk membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi," katanya.

Kerajaan juga akan terus mengurangkan karenah birokrasi yang sering dikaitkan dengan kelewatan pelaksanaan projek-projek pembangunan, katanya.

"Sempena ulangtahun Hari Keputeraan Tuanku, sukalah kerajaan memberi jaminan bahawa pihak kerajaan dan ahli-ahli Jemaah Menteri akan memberi kerjasama penuh kepada Tuanku berdua dalam menjalankan tugas-tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong selaras dengan prinsip-prinsip dan keperluan-keperluan Sistem Raja Berperlembagaan," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dan rakyat dengan penuh hormat dan takzimnya menyampaikan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Tuanku sebagai Raja yang memerintah dan juga kepada Raja Permaisuri Agong.

Rakyat juga berdoa semoga dilanjutkan usia serta dilimpahkan rahmat dan hidayahNya ke atas Tuanku dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah dan semoga Tuanku berdua sentiasa berada di dalam keadaan sihat, sejahtera dan penuh kedaulatan, katanya.

-- BERNAMA

NZ AKD